



# جباٰن کهٰکیم شرعيۃ مالیسیا

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (32)  
Takwim : 3 Sya'ban 1424H  
Tarikh : 29 September 2003

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

### Arahan Amalan No. 5 Tahun 2003

#### Masa Dibolehkan Membuat Tuntutan Harta Sepencarian

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 4 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-26 Jamadilakhir 1424H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan masa membuat tuntutan harta sepencarian dibolehkan samada semasa tuntutan perceraian atau selepas perceraian ataupun selepas kematian mana-mana pihak. Mahkamah dalam hal ini boleh menerima mana-mana tuntutan harta sepencarian yang dibuat selepas kematian mana-mana pihak dalam tuntutan tersebut dan rujukan hendaklah dibuat kepada mana-mana kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah yang lebih tinggi.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA  
2003